

16/02/2000

Dondang sayang meriahkan festival

MELAKA, Selasa - Dondang sayang akan menjadi salah satu persembahan utama sempena Festival Pelancongan Melaka 2000 di KLCC, Kuala Lumpur selama enam hari, mulai 18 Februari ini.

Acara itu akan dipersembahkan oleh penyanyi veteran, Maarof Abu Bachik serta Nyonya Tan Abdullah bersama-sama ahli kumpulan Briged Seni Melaka.

Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri, Baharuddin Jamil, berkata ia juga akan dipersembahkan di majlis perasmian festival itu di KLCC dan pelancaran Pesta Makanan Melaka di Hotel Istana.

Katanya, kumpulan berkenaan akan turut mengadakan persembahan kesenian pada jam 5 petang dan 8.45 malam di tapak festival berkenaan.

"Selain itu, persembahan kesenian lain dari Melaka ialah rangkaian tarian serta nyanyian etnik Melaka, termasuk Melayu, Portugis, Chetty, Baba dan Nyonya," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan diberi sambutan kebudayaan ketika merasmikan festival berkenaan pada kira-kira jam 8 malam 18 Februari ini.

Katanya, ketibaan Perdana Menteri yang diiringi Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam akan disambut dengan gedang silat, pembawa bunga telur serta sirih junjung, silat sembah lela dan kumpulan tradisional Melayu, Portugis, Chetty, Baba dan Nyonya.

"Gendang Silat akan dipersembahkan oleh Kumpulan Seligi Putera Melaka manakala silat sembah lela oleh Kumpulan Seni Silat Kunci Melayu dan etnik Melaka oleh Briged Seni Melaka," katanya.

Baharuddin berkata, dua beruk yang bernama Acu dan Awang akan turut memeriahkan festival itu setiap 6 petang di KLCC mulai 19 Februari.

Katanya, Acu serta Awang yang dibawa oleh Peacock Paradise Melaka akan menunjukkan pelbagai kemahiran seperti berbasikal, duduk di kerusi serta berjabat tangan dengan penonton.

(END)